

Siri Kajian AZKA | 7/2021

PENGENAAN ZAKAT KE ATAS ASET DIGITAL MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM



SIRI KAJIAN AZKA | NO. 7/2021

PENGENAAN ZAKAT KE ATAS

ASET DIGITAL MENURUT

PERSPEKTIF HUKUM ISLAM



AZKA-PPZ
AKADEMI ZAKAT

PENYUNTING:

Muhsin Nor Paizin
Abdul Rahim Abd Aziz
Nurul Izzah Azhar
Akademi Zakat (AZKA)
Pusat Pungutan Zakat

PENYELIDIK:

Dr. Muhammad Ikhlas Rosele (Ketua)
S.S. Datuk Dr. Luqman Hj. Abdullah
En. Azizi Che Seman
Dr. Mohd Shahid Mohd Noh
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya

© 2021 Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Pusat Pungutan Zakat (PPZ)
Wisma PPZ, 68-1-6,
Dataran Shamelin, Jalan 4/91,
Taman Shamelin Perkasa,
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92895757
Website: azka.zakat.com.my

Email: azka@zakat.com.my

Siri Kajian AZKA No. 7/2021: Pengenaan Zakat Ke Atas Aset Digital Menurut Perspektif Hukum Islam

ISBN 978-967-2959-05-2

All rights reserved.

No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, whether electronic, mechanic, photocopying, recording, or otherwise without prior permission of the publisher.

Disclaimer

The views and opinions expressed in this research paper are solely those of the research team and do not necessarily represent the official views of the Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) and Akademi Zakat (AZKA).

Perpustakaan Negara Malaysia Data

Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PENGENAAN ZAKAT KE ATAS ASET DIGITAL MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM / PENYUNTING: Mohamad Noor Sahidi Johari, Muhsin Nor Paizin, Abdul Rahim Abd Aziz, Nurul Izzah Azhar.
(Siri Kajian AZKA ; No.7/2021)

ISBN 978-967-2959-05-2

1. Zakat--Research.
 2. Islam--Charities--Research.
 3. Zakat (Islamic law)--Research.
 4. Islamic law--Research.
- I. Mohamad Noor Sahidi Johari. II. Muhsin Nor Paizin, 1988-.
III. Abdul Rahim Abd Aziz. IV. Nurul Izzah Azhar.
VI. Siri.
297.54072

Pengenalan

Dengan perkembangan aset seperti fintech atau blockchain yang mewujudkan bitcoin dan seumpamanya telah membuka lapangan baru kehartaan umat Islam. Dari sini perbincangan-perbincangan hangat telah berlaku antara intelektual Islam untuk melihat kedudukan aset digital seumpama ini. Jika dahulu emas dan perak fizikal menjadi aset tukaran dan bernilai, kini aset maya telah cuba mengambil tempat.

Antara perbincangan utama adalah perspektif Islam terhadap aset digital ini. Sebahagian intelektual Muslim semasa dilihat mengharuskan penggunaannya bahkan menganggap ia akan menjadi satu keperluan mendesak pada masa akan datang. Justeru, oleh kerana aset digital ini dilihat bernilai, menjadi aset tukaran dan subur, secara kasarnya ia merupakan sesuatu yang boleh dilihat dari perspektif kutipan zakat.

Akan tetapi perbincangan mengenai zakat aset digital perlu meliputi banyak aspek iaitu aspek kedudukan aset digital sebagai harta (al-mal) menurut hukum Islam, pembahagian aset digital dan hubungannya dengan teori-teori harta (hak, manfaat, bernilai, tidak bernilai, milik dan seumpamanya), teori zakat ke atas aset digital, kaedah perakaunan dan medium institusi zakat untuk mengutip dan mengagihkan zakat dalam bentuk ini.

Pada asalnya aset digital adalah merujuk kepada aset-aset dalam bentuk digital. Dalam techopedia mendefinisikan aset digital sebagai;

"A digital asset is any text or media that is formatted into a binary source and includes the right to use it; digital files that do not include this right are not considered digital assets. Digital assets are categorized into images and multimedia, called media assets, and textual content."

"Digital assets are files that continue to exist as technology progresses regardless of the device where the digital asset is stored or created.

Distinguishing and defining the various types of digital assets can help in digital assets management. As conventional broadcast, print and graphic assets are gradually transformed into an advanced digital form, digital assets are becoming increasingly important, leading to growth in the digital asset management industry. Big corporations like Oracle, Microsoft, Apple and many others are consistently growing their enterprise to provide third-party digital asset management through Web-based repositories."

Oleh itu ia merupakan satu aset yang berbentuk binari berserta hak untuk menggunakannya. Justeru itu, ia adalah suatu yang berbentuk digital dan wujudnya hak penggunaan. Jadi pada kefahaman awal aset digital ini digambarkan seperti gambar, hasil multimedia seperti video, teks dan sebagainya. Namun contoh ini menggambarkan aset digital yang telah wujud lama dan ia lazimnya dibincangkan dibawah hak cipta.

Namun, merentasi perkembangan zaman, kewujudan aset digital ini lahir dalam pelbagai bentuk. Mungkin pada peringkat awal perkembangannya berbentuk point atau nilai digital dalam kad keahlian, seperti kad Meriah Mydin, Tesco Clubcard, kad SOGO dan seumpamanya. Antara yang popular juga adalah kad ahli stesyen petrol seperti kad Mesra, Privilege Miles Card, Shell Card, Caltex Journey, BHP e-Card dan seumpamanya. Kad-kad seumpama ini menyimpan nilai dalam bentuk mata atau point dan kelak ia boleh ditukar kepada aset fizikal yang pelbagai berasaskan dengan tawaran yang dikemukakan oleh pengeluar kad. Konsep yang sama wujud dalam kad kredit atau kad debit.

Oleh itu, perlu satu kajian yang mendalam untuk menjustifikasi aset digital ini dan kedudukannya sebagai harta atau lebih khusus harta yang dikenakan zakat. Selain daripada mata dalam kad, perkembangan mata wang juga mendapat kesan yang jelas bermula dengan transaksi tanpa tunai melalui pengantaraan kad dan bayaran atas talian (wang elektronik). Kemudian kemunculan cryptocurrencies mewujudkan mata wang kripto seperti Bitcoin, Ethereum, Stellar Lumen dan sebagainya. Kemudian sistem blockchain dan fintech menjadi medium mengurus dan memperkasakan aktiviti kewangan maya dan teknologi. Tidak lama selepas itu, medium e-wallet pula diperkenalkan untuk menggantikan transaksi tanpa tunai.

Begitu juga perosalan hak yang bersifat digital seperti akaun perniagaan (e-commerce) atau kedai dalam talian seperti yang terdapat dalam Shopee dan Lazada. Akaun seperti ini mempunyai nilai, bahkan terdapat sebahagian saham yang bersifat digital yang juga mempunyai nilai. Selain itu, hak akaun yang dibangunkan kemudian jumlah pengikut yang meningkat membuatkan akaun tersebut semakin bernilai. Akaun tersebut mempunyai nilai dan boleh dijual dengan harga yang munasabah. Contoh akaun seperti ini adalah akaun Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya.

Persoalan yang timbul kedudukan aset-aset digital ini tidak boleh dirumpungkan dalam satu kelompok apabila mendalmi konsep harta dalam Islam. Tambahan pula jika hendak dibahaskan dalam aspek harta yang hendak dizakatkan. Sebagai contoh, kedudukan hak dan manfaat sebagai harta juga menjadi satu perbincangan penting menurut hukum Islam. Apatah lagi apabila menyentuh pemilikan dan kuasa yang menjadikan sesuatu harta itu mempunyai hukum yang berbeza. Ulama telah meletakkan kategori pemilikan seperti pemilikan penuh, pemilikan kurang (naqis), pemilikan kuasa mengurus, dan pemilikan dalam tangan.

Selain aspek kedudukan aset digital sebagai harta zakat, persoalan mengenai jenis zakat yang perlu dikeluarkan. Secara kasarnya, jenis zakat simpanan, zakat perniagaan, zakat pendapatan (mal al-mustafad) dan zakat saham adalah signifikan bagi perbincangan zakat aset digital. Akan tetapi setiap aset digital tidak akan tergolong dalam jenis zakat yang sama. Tambahan pula setiap jenis zakat akan melibatkan kaedah perakaunan zakat yang berbeza. Timbul lagi perbincangan mengenai bagaimanakah kaedah perakaunan zakat ke atas aset digital dilakukan.

Lantaran daripada permasalahan dan persoalan yang timbul, perlu satu model zakat aset digital yang holistik dalam dunia Islam hari ini. Lebih-lebih lagi aras kemodenan telah jauh berkembang yang kini berada dalam revolusi industri 4.0 ke arah revolusi industri 5.0. Perhatian juga perlu diberikan kepada pusat zakat mengenai fasiliti dan kesedian dalam melaksanakan kutipan mahupun agihan zakat aset digital ini. Tambahan lagi apabila dunia ke arah mencapai Social Development Goals (SDG) yang digarapkan oleh United Nation seperti No Poverty, Industry, Innovation and Infrastructure dan Decent Work and Economic Growth. Model zakat aset digital ini juga boleh menjadi pemangkin institusi zakat mencapai SDG tersebut.

Kajian “Pengenaan Zakat Ke Atas Aset Digital Menurut Perspektif Hukum Islam” ini dijalankan berpandukan tiga objektif utama, iaitu;

1. Menjelaskan konsep aset digital dan kedudukannya dalam hukum Islam
2. Mengkaji kedudukan aset digital sebagai aset yang wajib dizakatkan dalam hukum Islam
3. Menganalisis isu-isu hukum dalam perlaksanaan zakat ke atas aset digital.

Kajian ini tertumpu kepada perbincangan zakat ke atas aset digital dengan berpandukan literatur dan beberapa pandangan pakar. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan data-data perpustakaan sebagai sumber utama. Selain itu, kajian ini juga akan menemu bual beberapa pakar sebagai rujukan terhadap isu kutipan zakat aset digital. Kajian dilakukan dengan mengutamakan kitab-kitab fiqh dan melakukan proses tasyif fiqli jika terdapat perbahasan yang belum disentuh secara jelas dalam hukum Islam. Oleh itu, analisis terhadap data-data tersebut akan dilakukan secara induktif (*istiqrā’*) dan deduktif (*istinbat*) serta komparatif (*muqaranah*).

Kajian ini akan menjadi pemangkin dalam teori hukum Islam terhadap zakat aset digital. Kajian juga akan membentuk kerangka umum perbincangan fiqh mengenai zakat aset digital yang boleh dijadikan rujukan oleh pusat zakat kelak.

Asas Aset Digital

Aset digital merupakan sesuatu yang mempunyai nilai dan boleh dimiliki. Ia merupakan sesuatu perkara maya yang bukan dalam bentuk nyata serta tidak mempunyai bentuk fizikal. Aset digital adalah entiti digital yang dimiliki oleh individu atau syarikat contohnya seperti gambar digital, video dan juga lagu. Aset-aset ini bukan dalam bentuk nyata dan apa yang dimaksudkan ialah tidak mempunyai fizikal. Sebagai gantinya, data tersebut dibuat dalam bentuk fail yang berada di dalam peranti penyimpanan seperti komputer atau rangkaian simpanan berdasarkan awan (cloud-based) (Technopedia, 2020; MerlinOne, 2020; TechTerms, 2020).

Menurut Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2020), aset digital adalah merujuk kepada mata wang digital dan token digital. Di dalam Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019 (Perintah 2019) (2019), mata wang digital dan token digital didefinisikan sebagai:-

Mata Wang Digital

Digital representation of value which is recorded on a distributed digital ledger whether cryptographically-secured or otherwise, that functions as a medium of exchange and is interchangeable with any money, including through the crediting or debiting of an account.

"Kadar nilai digital yang direkodkan pada data lejar digital sama ada berbentuk kriptografi yang berfungsi sebagai medium pertukaran dan boleh ditukar dengan mata wang termasuk kredit dan debit bagi sesuatu akaun."

Token Digital

Digital representation which is recorded on a distributed digital ledger whether cryptographically-secured or otherwise.

"Kadar nilai digital yang direkodkan pada data lejar digital sama ada berbentuk kriptografi."

Namun begitu, pentakrifan aset digital dalam konteks kajian ini tidak terhad kepada apa yang dimaksudkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Hal ini kerana maksud aset digital boleh ditakrif lebih luas meliputi setiap aset yang wujud dalam bentuk digital. Menurut pakar yang telah ditemubual mereka mendefinisikan aset digital sebagai;

Jadual 1:
Definisi aset digital menurut pakar

INFORMAN	MAKSUD ASET DIGITAL (RUMUSAN)
Pakar 01	<p>Aset adalah suatu yang bernilai dan ada nilai. Dengan itu ianya menunjukkan kepada tanda kemampuan seseorang. Aset tersebut pula boleh sahaja berbentuk secara fizikal ataupun ma'awi, sama ada makro ataupun mikro. Sebagai contoh digital player radio elektronik yang tidak dipanggil digital, tetapi adalah peranti manual yang menggunakan frekuensi.</p> <p>Manakala digital pula adalah perkara yang tidak ada fizikal. Perlu diketahui bahawa sesuatu aset itu boleh jadi mar'iyyah (boleh dilihat) atau malmusah (boleh dipegang). Jadi aset digital adalah sesuatu yang yang tidak boleh dipegang tetapi boleh dilihat (dalam bentuk data binari).</p>
Pakar 02	<p>Terdapat dua takrifan kepada aset digital, iaitu pentakrifan yang umum dan pentakrifan yang spesifik. Bagi takrifan yang spesifik ia adalah merujuk kepada mata wang kripto. Manakala, takrifan umum iaitu apa-apa sahaja aset di dalam bentuk digital. Dengan erti, sesuatu yang boleh menyimpan nilai dalam bentuk digital seperti e-wallet, e-token, kripto merupakan aset digital. Asalkan aset tersebut bernilai dan boleh disimpan dalam bentuk digital.</p>

INFORMAN	MAKSUD ASET DIGITAL (RUMUSAN)
Pakar 03	<p>Aset merupakan harta dan pemilikan terhadap sesuatu. Digital pula secara mudahnya adalah sistem penomboran, iaitu dengan erti kata lain adalah selain daripada perkara nyata (fizikal). Contohnya adalah gambar dan video. Manakala Aset digital adalah apa yang dimiliki oleh seseorang secara maya. Hakikat harta itu adalah apa sahaja yang suka dimiliki oleh manusia. Tidak hanya tertumpu kepada perkara yang boleh disentuh sahaja. Seperti mana elektrik, ia tidak boleh disentuh namun manusia menyukainya kerana boleh diambil manfaat.</p>
Pakar 03	<p>Aset digital: terdapat beberapa features atau elemen iaitu:</p> <p>Pertama: valuable / bernilai. Aset digital mestilah sesuatu yang bernilai sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai nilai intrinsik sendiri kerana didasari dengan aset seperti emas, besi, komoditi dan lain-lain. - Dianggap bernilai (preceive) seperti mata wang kripto (contoh bitcoin) dan seumpama dengannya. Orang yang menerima menganggap aset tersebut ada nilai walaupun tidak ada asset backed. - Datang dari legal tender seperti CBDC (Central Bank Digital Currency), yang dikeluarkan oleh pemerintah. <p>Kedua: wujud di dalam bentuk digital. Iaitu suatu rekod akaun dalam bentuk digital seperti e-wallet.</p> <p>Ketiga: menepati definisi al-mal. Jumhur menyatakan ada tiga syarat untuk menentukan sesuatu itu harta, iaitu; boleh dimiliki (kemampuan milkiyyah), boleh disimpan dan mutaqawwim (bernilai) di sisi syarak.</p>

Sumber: Hasil ringkasan pengkaji

Daripada pandangan pakar tersebut, dapat disimpulkan maksud aset digital adalah suatu bentuk harta yang wujud dalam bentuk digital. Oleh itu, untuk memahami maksud aset digital bagi kajian ini, adalah perlu merujuk kepada pembahagian-pembahagian aset digital.

Perincian perlu dilakukan kepada aspek mata wang kripto (seperti bitcoin). Kerana aset digital dalam bentuk tersebut menjadi perbincangan panjang dalam kalangan intelektual semasa. Berikut beberapa pandangan yang wujud mengenai mata wang digital;

Jadual 2:
Resolusi fatwa terhadap mata wang kripto

NO	BADAN FATWA	HUKUM	CATATAN
1.	(Dār al-Iftā al-Miṣriyyah, 2017)	Diharamkan	1. Tidak diterima oleh kerajaan atau bank. 2. Terdapat unsur gharar dan khatar (risiko).
2.	(High Council of Religious Affairs of Turkey, 2021)	Diharamkan	Tidak diterima oleh kerajaan atau bank.
3.	(Dār al-Iftā al-Filiṣīniyyah, 2017)	Diharamkan	1. Penerbit adalah tidak diketahui. 2. Terdapat unsur gharar dan spekulasi.
4.	(General Authority of Islamic Affairs & Endowments UAE, 2018)	Diharamkan	Tidak diterima oleh kerajaan atau bank.
5.	(Islamic Affairs and Charitable Activities Department Dubai, 2020)	Diharamkan	1. Tidak diterima oleh kerajaan atau bank. 2. Terdapat unsur gharar, ketidaktahuan dan penipuan.
6.	(Muntadā al-Iqtisād al-Islāmī, 2018)	Diharuskan	1. Asas sesuatu perkara adalah dibenarkan sehingga terdapat perkara yang menghalanginya. 2. Dianggap sebagai <i>māl al-mutaqawwim</i> : iaitu boleh ditukar dengan perkara yang lain. 3. Tiada undang-undang syariah yang melarang.
7.	(Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2020)	Dianggap Sebagai Harta	1. Mata wang digital yang tidak didasari aset fizikal, hanya didasari teknologi semata-mata <ul style="list-style-type: none"> i. Mata wang digital ini seperti mata wang kripto dianggap sebagai komoditi atau ‘arud’. 2. Mata wang digital yang didasari aset fizikal yang merupakan item ribawi. Ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu; <ul style="list-style-type: none"> i. Didasari emas dan perak, mata wang digital ini dianggap sebagai mata wang yang memakai hukum mata wang.

NO	BADAN FATWA	HUKUM	CATATAN
			<p>ii. Didasari item ribawi selain emas dan perak, mata wang digital ini dianggap sebagai barang ribawi yang memakai hukum-hukum berkaitan barang riba.</p> <p>3. Token digital. Token ini dianggap sebagai komoditi atau ‘arud’. Namun hasil, hak dan manfaat token tersebut hendaklah patuh Syariah.</p> <p>Keputusan ini adalah terpakai kepada mana-mana aset digital yang berada di bawah bidang kuasa SC.</p>
8.	(Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2018) * Bayan Linnas	Tidak Menepati Ciri Mata Wang	<p>1. Bitcoin lebih dilihat sebagai satu aset pelaburan,</p> <p>2. ia tidak menepati tujuan asal penciptaan bitcoin itu sendiri, iaitu sebagai mata wang alternatif kepada sistem mata wang fiat yang sedia ada.</p> <p>3. Tindakan menyekat penggunaan mata wang ini adalah wajar berdasarkan kepada kaedah Sadd al-Zarai’ apabila ia ternyata boleh membawa kemudarat yang lebih besar.</p> <p>4. Hukum ini boleh berubah jika penambahbaikan dilakukan terhadap bitcoin samada dari sudut pengeluaran, pengawalan harga, sistem keselamatan di bursa dan regulasi untuk mengelakkannya daripada dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.</p>

Sumber: Hasil ringkasan pengkaji

Secara umumnya perbincangan mengenai aset digital dalam bentuk tersebut adalah tertumpu dalam melihat kedudukannya sebagai mata wang. Namun, tidak menafikannya sebagai sesuatu yang bernilai. Begitu juga apabila melihat hujah yang menyatakan mata wang kripto diharamkan kerana tidak diiktiraf oleh kerajaan dan terdapat unsur gharar. Hujah tersebut adalah untuk menafikannya sebagai mata wang yang digunakan dalam transaksi harian, bukan menafikannya bernilai jika disimpan atau dijual beli.

Pembahagian Aset Digital

Aset digital atau dengan bahasa mudah adalah semua nilai ekonomi yang berteraskan kepada teknologi semasa. Oleh itu, ia merupakan satu aset yang berbentuk binari berserta hak untuk menggunakannya. Justeru itu ia adalah suatu yang berbentuk digital dan wujudnya hak penggunaan. Jadi pada kefahaman awal aset digital ini digambarkan seperti gambar, hasil multimedia seperti video, teks dan sebagainya. Namun contoh ini menggambarkan aset digital yang telah wujud lama dan ia lazimnya dibincangkan dibawah hak cipta

Namun, merentasi perkembangan zaman, kewujudan aset digital ini lahir dalam pelbagai bentuk. Ia tidak dikhususkan kepada satu pembahagian seperti kriptografi sahaja bahkan ia adalah luas dan terdapat beberapa pembahagian antaranya ialah:-

1. E-Money

E-money atau juga sering disebut sebagai wang elektronik adalah merupakan singkatan daripada electronic money. Ia disebut juga sebagai wang digital kerana kewujudannya sebagai bentuk data-data digital di dalam sistem komputer bukan lagi bentuk helaian kertas yang dicetak. Nilainya disokong oleh mata wang fiat kerana ia dapat ditukar menjadi bentuk fizikal dan nyata. Kemudahannya digunakan terutama untuk transaksi elektronik.

Walaupun mata wang fizikal masih bermanfaat dalam situasi tertentu, peranannya kini semakin beransur-ansur kurang dari masa ke masa. Ramai daripada pengguna dan peniaga percaya wang elektronik lebih selamat dan mudah serta diterima secara meluas di peringkat global. Oleh itu, pasaran kewangan dunia telah mewujudkan infrastruktur yang kuat untuk mengurus wang elektronik, yang terutama difasilitasi melalui rangkaian pemprosesan pembayaran seperti Visa dan Mastercard (Adrew Bloomenthal, 2020).

Selain itu, wang elektronik sering digunakan melalui sistem perbankan elektronik dan dipantau melalui pemprosesan elektronik. Bank dan institusi kewangan bekerjasama dengan institut pengurusan rangkaian wang elektronik untuk mengeluarkan kad rangkaian berjenama pelanggan mereka untuk memudahkan transaksi elektronik dari akaun bank kepada peniaga. Wang elektronik juga dapat ditransaksikan dengan mudah melalui e-commerce,

membiaran pengguna membeli barang dan perkhidmatan secara dalam talian.

2. Digital Currency

Digital currency (mata wang digital) adalah mata wang yang tersedia di dalam bentuk digital atau elektronik dan ianya bukan dalam bentuk fizikal. Digital currency atau mata wang digital ini juga biasa disebut wang digital, wang elektronik, mata wang elektronik, atau wang siber.

Antara beberapa kriteria untuk mengenali sesuatu itu sebagai *digital currency* seperti, ia merupakan wang yang hanya dapat diakses melalui gajet elektronik seperti komputer atau telefon bimbit, kerana ianya hanya wujud di dalam bentuk elektronik. Kesemua mata wang kripto contohnya adalah salah satu bentuk mata wang digital. Mata wang digital juga memiliki keupayan untuk membayar perkhidmatan, membeli barang dan keperluan, namun mungkin terdapat kekangan dalam beberapa perkhidmatan seperti permainan atau judi.

Transaksi menggunakan mata wang digital memudahkan transaksi jarak jauh selagi mana kedua-dua pihak yang bertransaksi menggunakan capaian talian yang sama dan peranti yang sama. Selain itu, transaksi boleh dilakukan secara terus tanpa perantaraan pihak ketiga seperti bank atau seumpamanya. Justeru, transaksi menggunakan mata wang digital dilihat lebih telus.

Digital currency pada harini lebih dilihat sebagai mata wang kripto. Mata wang kripto terhasil daripada dua kaedah. Mining dan supply and demand yang menggunakan platform algorisma dan blockchain seperti yang berlaku pada mata wang digital bitcoin dan seangkatan dengannya.

3. Digital Token

Token digital adalah kadar nilai digital yang direkodkan pada data lejar digital berbentuk kriptografi. Lazimnya token digital akan dijelaskan dalam tiga bentuk iaitu; pertama, security token (token sekuriti) ialah aset digital yang mendapat nilainya dari aset yang bukan digital atau aset luar seperti saham, bon dan lainnya. Kebiasaannya token ini dikawal oleh badan berautoriti memandangkan ia melibatkan sekuriti di pasaran modal. Security token offering (STO) adalah platform untuk para pelabur membuat pelaburan menerusi platform yang meyakinkan dan diselia.

Kedua, utility token (token utiliti) adalah token yang diberi secara umum sebagai tanda syarikat itu akan menerbitkan token digital pada masa akan datang supaya ia boleh ditebus atau layak mendapat diskaun dengan token utiliti tersebut. Ia boleh diibaratkan seperti baucar yang boleh ditebus untuk mendapat diskaun bukan untuk ditukar dengan wang.

Ketiga, asset backed token (token bersandar kepada aset nyata) ialah token yang memiliki nilai dari aset yang nyata seperti harta tanah dan aset lain. Ada kalanya ia digelar natural asset token yang ia diperkenalkan bagi mengawal penyalahgunaan dan eksplotasi sumber alam.

4. Discount Cards

Kad diskaun adalah satu bentuk kad yang memiliki nilai tertentu. Nilai tersebut tidak dalam bentuk mata wang fizikal, tetapi ia diformulakan dalam bentuk point atau mata selaras dengan tawaran pengeluar. Kad diskaun ini adalah untuk menawarkan keistimewaan bagi pelanggan yang setia. Mata atau point di dalam kad tersebut adalah bukan dalam bentuk fizikal tertapi bentuk digital. Ia boleh ditukar kepada manfaat, barang atau tunai sesuai dengan tawaran pengeluar. Contoh kad yang boleh dikategorikan di bawah takrifan kad diskaun ini adalah Tesco Clubcard, Kad Mesra, Kad Meriah Mydin, Bonuslink dan seumpamanya.

5. Gift Card and Voucher

Gift Card dan Voucher adalah kad yang mempunyai wang dalam jumlah yang tertentu dan boleh untuk dijadikan sebagai alat pembayaran di kedai tertentu. Terdapat dua jenis gift card iaitu pertama cash card dan kedua store card. Bagi jenis yang pertama ini, ia merupakan salah satu bahagian dari promosi yang diberikan oleh kad kredit ataupun bank. Jenis kad ini seolah menjadi pengganti kepada wang tunai. Kegunaannya lebih fleksibel dan meluas berbanding jenis store card berdasarkan terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak bank.

Jenis gift card yang kedua pula iaitu store card adalah kad yang voucher yang boleh digunakan hanya di dalam kedai-kedai tertentu. Ia sangat spesifik dengan apa yang ditawarkan oleh kedai-kedai tersebut dan tidak meluas seperti mana penggunaan cash card.

Kedua-dua kad jenis kad tersebut pada asasnya terikat dengan beberapa syarat dan perlu diteliti oleh pengguna. Di antara yang menjadi perkara penting ialah, gift card mempunyai tempoh masa aktif kad.

Jika ia tidak digunakan maka nilai tersebut akan loput. Walaupun sedemikian, bagi jenis kad store card yang berbentuk voucher, kad tersebut boleh diberikan kepada orang lain untuk menggunakannya.

Selain daripada itu, setiap daripada gift card mempunyai terma dan syarat yang dikeluarkan sama ada dari pihak bank ataupun daripada pihak kedai. Syarat yang ditetapkan mempunyai aturan yang tersendiri. Jika tidak dipenuhi syarat-syarat tersebut, maka akan mengakibatkan gift card tersebut tidak boleh digunakan.

6. E-Wallet

E-Wallet atau digital wallet adalah satu sistem berteraskan maya yang menyimpan maklumat pembayaran pengguna dan kata laluan secara selamat untuk digunakan dalam pelbagai transaksi pembayaran dan laman sesawang. Digital wallet ini menawarkan pembayaran yang mudah dan cepat selari dengan kegunaan teknologi komunikasi pada hari ini.

Digital wallet ini adalah akaun kewangan yang membolehkan pengguna menyimpan wang, melakukan transaksi dan mengesan sejarah penggunaan. Ia juga merupakan medium penting dalam penggunaan mata wang kripto (Kagan, J., 2021). Digital wallet ini boleh disediakan oleh pelbagai pengeluar seperti bank, Touch n Go, aplikasi perhotelan seperti Agoda, aplikasi perniagaan seperti Shoppe dan Lazada atau sebagainya.

7. Payment Cards

Kad pembayaran lazimnya merujuk kepada kad yang dikeluarkan oleh bank, ia berfungsi untuk pembayaran tanpa tunai, pembelian secara atas talian dan pengeluaran wang tunai di ATM. Selain fungsi tersebut, kad pembayaran juga menawarkan pengumpulan mata seperti kad diskau (ManagementMania.com, 2021). Justeru, di dalam kad tersebut mempunyai nilai tunai yang terkait dengan mata wang fizikal juga mata yang boleh ditukarkan kepada barang, manfaat atau tunai sesuai dengan tawaran pengeluar.

8. Digital Documents

Jika dahulu dokumen disimpan dalam fail, album gambar, rak dan sebagainya. Namun pada hari ini, dokumen-dokumen tersebut boleh disimpan dalam bentuk digital. Sebagai contoh gambar yang ditangkap, tidak lagi terdapat dalam bentuk filem atau

kepingan yang dicetak. Ia disimpan dalam simpanan (storage) peranti yang pelbagai.

Begitu juga sebarang bentuk dokumen kini disimpan dalam simpanan tertentu. Simpanan yang dimaksudkan boleh jadi dalam penyimpanan drive (seperti hardisk atau pendrive) atau di dalam penyimpanan awan atau Cloud (seperti Google Drive dan Onedrive). Dokumen ini ada yang bernilai sama ada nilai pasaran atau nilai sentimental yang berharga bagi seseorang. Antara contoh yang boleh dikemukakan adalah e-book yang merupakan buku dalam dokumen digital dan boleh dijual dalam pasaran, arkib-arkib sejarah yang disimpan dalam bentuk digital, video dokumentasi dan audio yang berisi maklumat penting semuanya boleh dikategorikan sebagai aset digital.

9. Intellectual Property

Berkait dengan digital dokumen, hak harta intelek adalah satu istilah bagi melindungi sebarang bentuk aset fizikal atau digital yang mempunyai nilai intelek bagi individu atau institusi. Hak Harta Intelek merupakan hak-hak yang dilindungi oleh undang-undang khusus yang membolehkan pemilik Harta Intelek tersebut melaksanakan kawalan eksklusif ke atas eksplorasi hak-hak tersebut, biasanya dikaitkan dengan tujuan keuntungan komersil (Universiti Malaya., 2014).

Terdapat beberapa kategori hak harta intelek antaranya adalah copyrights, patents, trademarks dan trade secrets. Justeru, aset sebegini dilindungi undang-undang dan jika ia di dalam bentuk digital, hak harta intelek boleh dianggap sebagai aset digital.

10. Digital Media

Digital media atau lebih fokus atau akaun media digital juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada aset dalam bentuk digital. Ia meliputi kepada pelbagai jenis akaun seperti akaun emel, software, blog atau pelbagai media sosial. Sebagai contoh, media sosial merupakan salah satu alat atau perantara dalam komunikasi dan perhubungan sosial. Menurut Vazrin Vauzan (2020) media sosial adalah; "Media online yang memudahkan pengguna bersosialisasi, bertukar pendapat serta mempromosikan sesuatu produk baru. Media sosial juga memudahkan pengguna untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Sudah banyak media sosial yang sudah kita gunakan seperti Instagram, Youtube, Twitter, Whatsapp, Line, Facebook dan sebagainya."

Walaupun sesetengah akaun digital ini boleh dibuka secara percuma, namun setelah ia mempunyai pengikut dan pelanggan dalam jumlah yang tinggi atau reputasi yang baik, akaun tersebut mempunyai nilai dalam pasaran (Rosele, M. I. & et.al., 2020). Oleh itu, akaun tersebut boleh dianggap sebagai aset digital kerana mempunyai nilai dan mendapat tempat dalam pasaran.

4. Keempat: Aset digital yang berfungsi sebagai mata wang (medium of exchange), jika ianya berasaskan mata wang, maka perlu perbincangan adakah akan terpakai hukum mata wang atau komoditi.

Kesimpulan

Daripada pembahagian ini adalah jelas bahawa aset digital tidak tertumpu kepada mata wang digital semata-mata. Hal ini kerana skop dan liputan aset digital adalah luas. Justeru, dalam kajian ini adalah menjadi keutamaan untuk melihat asas zakat bagi kategori-kategori aset digital ini. Informan dari kalangan pakar juga sebahagiannya melihat apabila menyebut mengenai aset digital, maka aspek perbincangan mata wang kripto menjadi dominan.

Namun, terdapat dalam kalangan mereka juga telah memperincikan kategori zakat aset digital dengan lebih terperinci, contohnya informan (pakar 04) membahagikan sebagai;

1. Pertama: Tokenize. Iaitu suatu aset yang dijadikan nilainya sebagai token, secara umumnya bentuk token adalah sebagaimana berikut;
 - a) Aset yang ditokenkan dimana aset dasarnya adalah komoditi seperti HelloGold, DigixDAO dan OneGram. Di mana aset yang dibelakang (asset-backed) token tersebut adalah emas.
 - b) Dasar kepada token tersebut adalah utiliti, atau utility based. Contohnya adalah hak untuk simpanan dalam cloud, hak untuk mendapatkan services tertentu yang kemudian ditokenkan.
 - c) Hak yang telah ditokenkan. Hak tersebut akhirnya boleh dijual beli mengikut jual beli token.
2. Kedua: Aset digital yang dikeluarkan oleh pemerintah ataupun disebut sebagai Central Bank Digital Currency (CBDC).
3. Ketiga: Tech-based ataupun disebut sebagai non asset-backed. Iaitu aset digital yang tidak didasari oleh aset fizikal, ia dibentuk semata-mata oleh teknologi perkomputeran. Kebanyakan mata wang kripto adalah diwujudkan dengan kaedah ini seperti bitcoin dan etherium.

Konsep Harta Menurut Hukum Islam

Takrif Al-Māl

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2020), harta merupakan barang-barang berharga yang dippunyai oleh seseorang individu, syarikat dan sebagainya sama ada berupa rumah, tanah, barang kemas dan lain-lain. Di dalam bahasa arab, harta disebut sebagai “al-Māl” yang merujuk kepada seekor unta menurut orang arab (Al-‘Abbās, I. A.). Māl juga memberi erti kepada barang-barang yang menjadi kepunyaan seseorang individu (Ibn Manzūr, M. M. A., 1993).

Ibn al-Athīr menyatakan bahawa asal perkataan māl adalah merujuk kepada barang yang menjadi kepunyaan individu sama ada daripada emas atau perak sahaja. Kemudian, penggunaan māl difahami sebagai satu perkataan yang membawa makna barang-barang yang diperolehi dan dippunyai oleh seseorang individu (Ibn al-Athīr, M. D. M. M., 1979). Oleh sebab sedemikian, māl di sisi orang arab terdahulu adalah merujuk kepada unta kerana ia adalah barang yang banyak dimiliki oleh mereka (Ibn Manzūr, M. M. A., 1993). Walau bagaimanapun, pemilik harta yang sebenar adalah Allah SWT dan manusia hanya memilikinya secara sementara atau pemegang amanah untuk menguruskannya ke jalan yang baik (Basiron, B. & Ahmad, S., 2013).

Di dalam istilah fiqh pula, para fuqahā’ mempunyai definisi yang berbeza mengikut mazhab:

1. Definisi māl menurut mazhab al-Hanafiyyah:

“Al-Māl adalah sebagai barang yang dicenderungi oleh naluri manusia untuk memilikinya dan boleh disimpan untuk tempoh tertentu.”
(al-Bahr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq)
(Ibn Nujaym, Z. D. I. M.)

2. Definisi māl menurut mazhab al-Mālikiyah:

“Al-Māl merupakan barang dimiliki oleh seorang pemilik dan dia mempunyai penguasaan penuh terhadap barang tersebut jika dia memperolehnya secara betul.”
(al-Muwāfaqāt)(Al-Shāṭibī, I. M. M., 1997)

3. Definisi māl menurut mazhab al-Shāfi’iyah:

“Tidak dinamakan sebagai al-māl melainkan pada barang yang mempunyai nilai, yang boleh dijual beli, orang yang merosakkannya mesti bertanggungjawab atas kerosakan dan barang yang tidak dibuang oleh manusia seperti wang dan lain-lain.”
(al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir)(Al-Suyūṭī, A. R. A. B., 1990)

4. Definisi māl menurut mazhab al-Hanābilah:

“Ia merupakan barang yang boleh diambil faedah, harus dan tidak terdapat kemudarat.”
(al-Muqnī’)(Al-Maqdisī, A. A. M. Q., 2000)

Daripada definisi-definisi yang dinyatakan, mazhab al-Hanafiyyah berbeza dengan mazhab-mazhab yang lain dalam penakrifan makna māl. Menurut al-Hanafiyyah, māl hanyalah merujuk kepada barang fizikal sahaja kerana ia boleh disimpan untuk tempoh tertentu. Sebaliknya di sisi mazhab al-Mālikiyah, al-Shāfi’iyah dan al-Hanābilah pula, māl merupakan barang yang mempunyai nilai sama ada berupa fizikal ataupun berbentuk faedah.

Perbezaan definisi ini pastinya memberikan kesan kepada beberapa hukum fiqh dalam Islam. Antara perbincangan yang berkaitan dengan penentuan māl tersebut adalah (Zaydān, A. K., 2009):-

1. Pembayaran ganti rugi bagi harta curian yang dipulangkan berdasarkan faedah yang telah digunakan.
2. Status sewaan setelah si penyewa mati.
3. Pewarisan sesuatu hak seperti hak untuk meneruskan atau membatalkan jualbeli (*al-khiyār*).

Hasilnya, terdapat dua aliran pendapat dalam mendefinisikan takrifan *māl* iaitu pendapat pertama yang terdiri daripada mazhab al-Hanafiyyah manakala pendapat yang kedua adalah terdiri daripada mazhab jumhur fuqahā'. Punca perbezaan kedua aliran ini adalah kerana penentuan '*illah* bagi *māl* sama ada ia hanya terhad bagi barang '*ayn* (fizikal) sahaja seperti yang dipegang oleh pendapat pertama ataupun ia merangkumi sekali *manfa'ah* (faedah) seperti yang dipegang oleh pendapat kedua (Al-Hasrī, A., 1986).

Pembahagian *Al-Māl*

Terdapat beberapa pembahagian *māl* yang memberi kesan kepada hukum fiqh khususnya di dalam permasalahan muamalat (Yūnus, R., 2012; Al-Tawīl, M. M. Q., 2019; Shawwāt, H. M. & Hamīsh, A. H., 2013):

1. Pembahagian dari sudut boleh alih.

- i) ***Al-Māl al-'Iqār***: Harta yang tetap dan tidak boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain (seperti tanah).
- ii) ***Al-Māl al-Manqūl***: Harta yang tidak tetap dan boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain sama ada berubah keadaannya ketika perpindahan tersebut atau tidak (seperti wang atau barang timbangan).

Penentuan harta dari sudut boleh alih memberi kesan kepada beberapa hukum syarak:

- a) Antaranya ialah bagi yang membenarkan hak *shuf'ah* (hak rakan kongsi) hanyalah boleh berlaku pada *al-māl al-'iqār* sahaja. Begitu juga hak kejiranan dan hak umum hanya akan berlaku pada jenis *al-māl al-'iqār* sahaja.
- b) Selain itu, dibenarkan bagi penjaga harta anak yatim yang masih kecil untuk menjual harta daripada *al-māl al-manqūl* sahaja sekiranya terdapat keperluan sahaja. Harta yang berada dalam kategori *al-māl al-*

'*iqār* pula adalah dilarang sama sekali bagi penjaga untuk menjualnya melainkan pada keadaan yang terdesak dan memaksa seperti untuk memberi nafkah kepada si anak yatim tersebut.

2. Pembahagian dari sudut keserupaan jenis.

- i) ***Al-Māl al-Mithlī***: Harta yang boleh disukat, ditimbang dan dibilang dan jenisnya mudah didapatkan di pasar (seperti barang-barang timbangan gula).
- ii) ***Al-Māl al-Qīmī***: Harta yang jenis sukar didapatkan di pasar atau jika terdapat jenisnya pasti tidak akan sama.

Terdapat beberapa kesan bagi penentuan jenis *al-māl* dari sudut keserupaan jenis ini:

- a) Antaranya ialah ganti rugi bagi jenis harta *al-māl al-mithlī* adalah dengan membayar balik dengan barang yang sama seperti kerosakan pada sekilo gula perlu dibayar dengan sekilo gula juga. Bagi ganti rugi harta *al-māl al-qīmī* pula perlu digantikan dengan kadar nilai serupa kerana kekangan untuk memperoleh barang yang serupa dengannya.
- b) Selain itu, tanggungan hutang (*al-dhimmah*) akan berlaku pada *al-māl al-mithlī* sahaja. Begitu juga dalam pembahagian harta bagi sesuatu syarikat akan berlaku pada *al-māl al-mithlī*, sekiranya melibatkan harta *al-māl al-qīmī* ia perlu mempunyai persetujuan ahli syarikat.
3. Pembahagian dari sudut keharusan mengambil faedah.

 - i) ***Al-Māl al-Mutaqawwim***: Harta yang boleh disimpan oleh manusia serta dibenarkan oleh syarak untuk mengambil manfaat daripadanya (seperti pakaian, kenderaan dan makanan).
 - ii) ***Al-Māl Ghayr al-Mutaqawwim***: Harta yang tidak boleh disimpan oleh manusia atau tidak dibenarkan oleh syarak untuk mengambil manfaat daripadanya (seperti burung di udara dan arak).

Pembahagian dari sudut ini penting pada beberapa keadaan transaksi muamalat:

- a) Pertama, penentuan jenis *māl* tersebut menjadi penentu kepada sahnya sesuatu urusniaga yang dilakukan. Jual beli menggunakan *al-māl al-mutaqawwim* adalah dibenarkan oleh syarak manakala jual beli *al-māl ghayr al-mutaqawwim*

adalah dilarang dan tidak sah sekiranya berlaku akad jual beli tersebut.

- b) Kedua, kerosakan barang yang dikategorikan sebagai *al-māl al-mutaqawwim* perlu dibayar ganti rugi sama ada *mithlī* (ganti semula dengan barang yang sama) atau *qīmī* (ganti semula dengan nilai barang). Bagi *al-māl ghayr al-mutaqawwim* tidak perlu dibayar ganti rugi sekiranya berlaku kerosakan padanya.

4. Pembahagian dari sudut rupa fizikal.

- i) ***Al-Māl al-Isti'lākī***: Harta yang tidak boleh diambil faedah melainkan perlu dimusnahkan rupa fizikalnya (seperti makanan dan minuman).
- ii) ***Al-Māl al-Isti'mālī***: Harta yang boleh diambil faedah tanpa dimusnahkan rupa fizikalnya (seperti buku dan pakaian).

Pembahagian terakhir ini memberi kesan pada tujuan sesuatu harta itu digunakan:

- a) Akad bagi *al-māl al-isti'lākī* diterima sekiranya bertujuan untuk memusnahkan bentuk fizikalnya. Jika digunakan bagi tujuan penggunaan harian, akad tersebut tidak boleh diterima seperti sewaan atau pinjaman makanan.
- b) Manakala *al-māl al-isti'mālī* pula diterima pada akad yang hanya penggunaan harian biasa tanpa merosakan bentuk fizikal seperti akad sewaan dan pinjaman.

Pembahagian harta isti'mali ini menarik kerana jelas mengiktiraf sesuatu harta yang boleh dimanfaatkan tanpa merosakkan fizikal. Hakikatnya, harta yang dimaksudkan ini adalah harta maknawi yang disandarkan pada aset fizikal, kerana yang berharga bukanlah semata bentuk fizikal tetapi kandungannya yang tidak boleh disentuh. Justeru konsep ini boleh dikembangkan dalam membahaskan zakat aset digital yang sebahagiannya tidak disandarkan kepada aset fizikal.

Takrif dan Pembahagian Pemilikan

Perbincangan *al-māl* ataupun harta tidak akan terpisah dengan terma *al-milk* iaitu kepemilikan terhadap harta tersebut. Secara bahasanya *al-milk* adalah merujuk kepada pemilikan sesuatu barang. Imām *al-Qarāfi* mendefiniskan *al-milk* dengan takrifan:

"Hukum syarak yang ditentukan pada barang fizikal atau manfaat yang memberi kesan kepada seseorang untuk mengambil faedah daripada pemilikannya dan mengambil ganti rugi atas kepemilikannya."
(al-Furūq li al-Qarāfi)
(Al-Qarāfi, A.. I. A. R.)

Dapat difahami daripada definisi ini bahawa *al-milk* atau pemilikan adalah merupakan suatu perkara yang dibenarkan syarak begi si pemilik untuk mengambil faedah atas barang yang dimiliki. Selain itu dapat difahami bahawa *al-milk* juga membawa makna penguasaan seseorang iaitu orang yang mengambil faedah terhadap barang orang lain seperti dalam sewaan.

Dari sudut hak pemilikan sesuatu barang, terdapat tiga pembahagian *al-milk* iaitu:-

- i. ***Milk al-'Ayn***: Penguasaan terhadap sesuatu barang sama ada mengambil manfaat penggunaan secara penuh; atau mempunyai hak pampasan ke atasnya; atau boleh memberi pinjaman kepada orang lain.
- ii. ***Milk al-Manfa'ah***: Penguasaan terhadap sesuatu barang sama ada mengambil manfaat penggunaan secara faedah; atau mempunyai hak pampasan ke atasnya; atau boleh memberi pinjaman kepada orang lain.
- iii. ***Milk al-Intifā'***: Penguasaan terhadap sesuatu barang sama ada mengambil manfaat penggunaan khusus untuk dirinya; atau tidak mempunyai hak pampasan ke atasnya; atau tidak boleh memberi pinjaman kepada orang lain.

Pembahagian yang pertama iaitu *milk al-'ayn* adalah bersifat umum yang merangkumi pembahagian *milk al-manfa'ah* dan *milk al-intifā'*. Manakala *milk al-manfa'ah* merangkumi apa yang disebut di dalam *milk al-intifā'*. Namun, *milk al-intifā'* hanya khusus dan tidak melazimi kepada pembahagian yang lain. Berikut adalah jadual gambaran pembahagian yang telah dinyatakan:

Jadual 3:

Pembahagian al-milk dari sudut hak pemilikan sesuatu barang

UNSUR PENGUSAAN SESUATU BARANG	MILK AL-'AYN	MILK AL-MANFA'AH	MILK AL-INTIFĀ'
Manfaat penggunaan	Dibenarkan secara penuh.	Dibenarkan secara faedah.	Hanya untuk kegunaan peribadi.
Hak pampasan	Dibenarkan secara penuh.	Dibenarkan secara penuh.	Tidak dibenarkan.
Hak beripinjaman	Dibenarkan secara penuh.	Dibenarkan secara penuh.	Tidak dibenarkan.

Sumber: Hasil ringkasan pengkaji

Hasil daripada pembahagian yang telah dinyatakan, terdapat dua jenis *al-milk* bagi seseorang yang mempunyai *al-māl* iaitu:

- i) ***Al-Milk al-Tām***: Pemilikan sesuatu harta secara sempurna iaitu meliputi *milk al-'ayn* dan *milk al-manfa'ah* dan *milk al-intifā'*. Kepemilikan yang diperolehi oleh seseorang itu adalah bebas tanpa sebarang halangan yang merangkumi pengguasaan dan mengambil faedah daripadanya.
- ii) ***Al-Milk al-Nāqis*** : Pemilikan sesuatu harta secara terhad sama ada *milk al-'ayn* atau *milk al-manfa'ah* atau *milk al-intifā'* sahaja.

Contoh situasi bagi Ali yang membeli kereta, maka baginya adalah *al-milk al-tām* kerana dia boleh menggunakan dan mengambil faedah secara penuh daripada kereta tersebut. Pemilikan Ali akan menjadi *al-milk al-nāqis* ketika dia menyewakan kereta tersebut kepada Ahmad. Hal ini kerana Ali hanya mempunyai hak ke atas kereta iaitu *milk al-'ayn* akan tetapi dia tidak boleh mengambil faedah kerana tidak mempunyai *milk al-manfa'ah*.

Begitu juga situasi bagi Ahmad, dia hanya mempunyai kepemilikan *al-milk al-nāqis* sahaja kerana dia hanya boleh mengambil faedah daripada kereta sewaan tersebut iaitu *milk al-manfa'ah* namun dia tidak boleh menjual kereta tersebut kerana tidak mempunyai hak barangan tersebut iaitu *milk al-'ayn*.

Sekali lagi dalam perbahasan ini, Syariah Islam mengiktiraf memiliki sesuatu yang bukan fizikal. Kerana manfaat ini boleh diterjemah dalam pengertian yang luas iaitu fizikal dan bukan fizikal. Lanjutan daripada perbincangan ini adalah berkait dengan hak.

Di dalam fiqh kehartaan Islam, hak bagi sesuatu harta terbahagi kepada tiga bahagian iaitu (Muhammad, Z. F.):

1. ***Al-Haqq al-'ayn*** : Penguasaan seseorang pemilik terhadap barang yang bersifat material. Ia mempunyai hubungan secara langsung di antara pemilik hak dan barang tersebut. Contohnya seperti hak kepemilikan. Seseorang yang mempunyai hak pemilikan kepada sesuatu barang boleh untuk menggunakan, mengambil manfaat serta membuang apa yang dimilikinya. *Al-Haqq al-'ayn* hanya ditentukan melalui 2 elemen iaitu pemilik dan barang sahaja.
2. ***Al-Haqq al-syakhsī***: Hak yang diberikan oleh syarak kepada seseorang daripada orang lain. Contohnya seperti hak penjual untuk menyerahkan harga, hak pembeli untuk menerima penjualan, hak isteri untuk nafkah dan lain-lain.
3. ***Al-Haqq al-ma'nawi***: Penguasaan seseorang pemilik terhadap barang yang bersifat tidak material seperti hak intelek dan hak cipta.

Mengenai hak maknawi ini, Majma` al-Fiqh al-Islamiy (1988) telah membuat suatu ketetapan bahawa:

1. Nama perniagaan, alamat perniagaan, tanda perniagaan, karya dan rekacipta, atau ibtikar adalah hak-hak yang khas bagi pemiliknya yang dijadikannya menurut 'urf semasa sebagai sesuatu yang mempunyai nilai Mal yang diiktiraf untuk menjana kewangan kepada manusia. Hak-hak ini diiktiraf oleh syarak dan dilarang pencerobohan ke atasnya.
2. Harus bertransaksi di atas nama perniagaan atau alamat perniagaan atau tanda perniagaan dan menggunakan salah satu daripadanya dengan gantian (bayaran) Mal apabila tidak wujud gharar, tipu dan khianat dengan sebab ia adalah hak Mal.
3. Hak karya dan rekacipta adalah terpelihara dari segi syarak dan bagi pemiliknya mempunyai hak transaksi dan dilarang pencerobohan ke atasnya.

Oleh itu jelaslah bahawa sesuatu perkara yang tidak wujud di dalam bentuk fizikal boleh diterima dalam konteks harta, pemilikan dan hak. Yang mana semua itu boleh dimanfaatkan bahkan boleh dijual beli. Bermakna, walaupun ia bukan sesuatu yang bersifat fizikal namun tetap berharga dan mempunyai nilai.

Syarat dan Sebab Pemilikan

Sesuatu harta itu mempunyai syarat-syarat yang melayakkan untuk dimilikinya. Syarat yang digariskan ini adalah syarat pemilikan di dalam Islam secara umum. Terdapat 3 syarat yang membolehkan seseorang itu mempunyai pemilikan ke atas sesuatu harta iaitu (Al-Tawil, M. M. Q., 2019):

- i) Harta tersebut adalah sesuatu yang boleh diambil faedah. Harta yang pada asalnya tidak mendatangkan faedah seperti serangga tidak disebut sebagai harta dan tiada pemilikan ke atasnya.
- ii) Harta yang dibenarkan oleh syarak untuk diambil faedah. Harta yang tidak dibenarkan oleh syarak seperti arak tidak disebut sebagai harta dan tiada pemilikan ke atasnya.
- iii) Harta yang bukan kepunyaan peribadi. Harta yang tidak dibenarkan itu sama ada hak Allah seperti bayt al-haram atau harta kepunyaan orang lain.

Sebab-sebab berlaku sesuatu pemilikan secara umumnya adalah terhasil daripada keberadaan sesuatu harta. Di dalam hukum fiqh pula, sebab-sebab berlaku sesuatu pemilikan ini adalah banyak. Antaranya ialah:

“Barangsia yang mendahului menuju sebuah mata air yang belum di dahului seseorang muslim, maka air tersebut adalah miliknya.”

(Sunan Abī Dāwud, t.t)

Namun, berdasarkan konteks dan realiti di negara kita berkenaan harta yang tidak mempunyai pemilik perlulah mendapatkan kebenaran daripada pemimpin.

1. Perpindahan sesuatu akad pemilikan harta seperti hibah, sedeqah, wasiat, jual beli dan sebagainya. Pemilikan daripada pemilik asal sudah berpindah kepada pemilik yang lain disebabkan akad yang sah telah dilakukan. Dengan erti lain adalah pemilik yang baharu.
2. Pewarisan juga merupakan salah satu daripada sebab boleh berlakunya sesuatu pemilikan. Harta peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia akan berpindah pemilikan tersebut kepada si waris. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam hadith Nabi SAW:

“Barangsia yang mati meninggalkan harta, maka harta peninggalan tersebut adalah hak ahli warisnya.”
(Sunan al-Tirmidhi, 1975)

3. Hasil percambahan daripada harta si pemilik juga boleh menjadi sebab pemilikan seseorang. Pemilikan bagi hasil percambahan tersebut akan dimiliki oleh tuan pemilik asal. Contohnya adalah seperti anak lembu yang baru dilahirkan, percambahan hasil tuai tanaman, dan lain-lain lagi.

BAHAGIAN 4

Kedudukan Aset Digital sebagai Harta Menurut Hukum Islam

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini mengenai konsep aset digital dan konsep harta menurut Islam, perlu juga dijelaskan apakah hubungan aset digital sebagai harta yang diiktiraf dalam Islam. Rumusan daripada perbincangan harta dalam wacana fiqh, dapat disimpulkan sebagaimana jadual berikut:

Jadual 4:
Definisi-definisi al-Māl

TOKOH	DEFINISI
Mansūr bin Yūnus (1993)	“Apa yang harus dimanfaatkan secara mutlak iaitu pada setiap keadaan atau sesuatu yang harus memilikinya walaupun tanpa keperluan.”
Al-Qurah Dāghī (2008)	“Harta iaitu aset yang mempunyai nilai di sisi manusia, dan manfaat menurut uruf, berasaskan itu boleh ditakrifkan dalam takrif yang menyeluruh sebagai setiap barang atau hak yang mempunyai nilai sama ada berbentuk digital atau manfaah secara uruf.”

Sumber: Hasil ringkasan pengkaji

Daripada penjelasan tersebut, dapat difahami bahawa harta adalah merangkumi perkara-perkara berikut:-

TOKOH	DEFINISI
Ibn Nujaym (t.t)	“Al-Māl adalah sebagai barang yang dicenderungi oleh naluri manusia untuk memiliki dan boleh disimpan untuk tempoh tertentu.”
Ibn ‘Ābidīn (1992)	“Al-Māl merupakan barang dimiliki oleh seorang pemilik dan dia mempunyai penguasaan penuh terhadap barang tersebut jika dia memperolehinya secara betul.”
Al-Shā’ibī (1997)	“Al-Māl adalah sebagai barang yang dicenderungi oleh naluri manusia untuk memiliki dan boleh disimpan untuk tempoh tertentu.”
Al-Shāfi‘ī (1990)	“Tidak dinamakan sebagai al-māl kecuali ke atas apa yang mempunyai nilai yang boleh dijadikan aset jual beli dan sekiranya aset tersebut dirosakkan hendaklah diganti nilainya walaupun sedikit, dan apa yang tidak dibuang oleh manusia.”
Al-Suyūtī (1990)	“Tidak dinamakan sebagai al-māl melainkan pada barang yang mempunyai nilai, yang boleh dijual beli, orang yang merosakkannya mesti bertanggungjawab atas kerosakan dan barang yang tidak dibuang oleh manusia seperti wang dan lain-lain.”
Al-Zarkashī (1985)	“Al-Māl yang mana boleh dimanfaatkan dengannya, dan ia dimanfaatkan sama ada dalam bentuk fizikal ataupun manfaat.”
Ibn Qudāmah al-Maqdīsī (2000)	“Ia merupakan barang yang boleh diambil faedah, harus dan tidak terdapat kemudaratannya.”

Daripada perkara tersebut, dapat difahami bahawa aset digital memenuhi sifat harta yang dikehendaki dalam syarak. Hal ini kerana, aset digital adalah sesuatu yang boleh dimiliki secara uruf, bermanfaat bahkan mempunyai nilai. Walau bagaimanapun, perkara yang masih menjadi perbincangan adalah kedudukan *digital currency* (mata wang digital), di mana selain ia dianggap sebagai harta, adakah ia boleh diiktiraf sebagai mata wang seumpama mata wang fiat pada hari ini. Perkara ini perlu dibincang secara umum dalam menjustifikasi hukum zakat baginya.

Untuk menyatakan sesuatu perkara itu sebagai mata wang perlulah difahami apakah yang dimaksudkan dengan wang. Di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2021), mata wang didefinisikan sebagai:

- a) wang yang bukan wang kertas, wang daripada logam (duit syiling);**
- b) jenis atau unit wang yang digunakan di sesebuah negeri;**

Selain itu, mata wang juga boleh dijelaskan sebagai satu medium pertukaran barang dan perkhidmatan. Ataupun secara mudahnya ia adalah satu kertas ataupun syiling yang lazimnya dikeluarkan oleh kerajaan dan diterima umum sebagai kaedah pembayaran (Frankenfield, J., 2020). Ahmad Hasan (1999) telah merumuskan pengertian wang yang diperolehi daripada himpunan pandangan ulama. Rumusannya adalah wang merupakan alat yang digunakan oleh manusia sebagai pengukur nilai dan medium pertukaran. Kenyataan ini jelas bahawa wang tidak terhad kepada emas dan perak sahaja.

Pada permulaannya, mata wang fiat sendiri telah diperselisihan oleh para ulama sewaktu mula diperkenalkan. Terdapat golongan yang berpegang kepada mata wang adalah semata-mata emas dan perak, manakala golongan yang lain berpandangan mata wang boleh selain emas dan perak. Pandangan ini sudah tentu berasaskan sistem emas dan perak merupakan mata wang yang beredar dan digunakan dalam kalangan mereka. Wang fiat yang tidak lagi bersandarkan kepada emas dan perak hakikatnya telah diterima umum dan menjadi medium pembayaran dan transaksi (Mohd Nazri, 2013). Manakala emas dan perak pula tidak digunakan untuk tujuan tersebut, hanyalah sebagai alat simpan nilai yang boleh diertikan sebagai komoditi.

Penerimaan konsep wang fiat sebagai mata wang adalah berasaskan kepada beberapa alasan. Ibn Qayyim dan Ibn Taimiyah antara tokoh ilmuan yang mengemukakan teori ini tatkala menjelaskan kedudukan fulus (mata wang tembaga). Alasan penerimaan fulus adalah nilai masyarakat dan bebas dari ketidak adilan (Meloy, 2001). Penggunaan mata wang fiat pada hari ini dilihat memudahkan bahkan ia adalah salah satu polisi pemerintah. Ia boleh digolongkan dalam prinsip *masalih al-mursalah* (Mohd Nazri, 2013).

Menurut Ahmad Hasan (1999) lagi, fungsi mata wang yang dinyatakan oleh fuqaha adalah meliputi:-

Pertama: Keadaannya yang menjadi alat ukuran bagi nilai sesuatu barang atau khidmat.

Kedua: Keadaannya yang menjadi medium pertukaran di antara barang dan khidmat.

Ketiga: Keadaannya yang merupakan perkara yang boleh disimpan, ini adalah fungsi yang digariskan oleh al-Ghazālī dan Ibn Khaldun.

Justeru itu, dapat dirumuskan bahawa digital currency boleh dianggap sebagai mata wang walaupun ia tidak disandarkan kepada emas dan perak bahkan ia memenuhi syarat-syarat dan ciri-ciri aset (*māl*), mata wang dan harga. Alasannya adalah berdasarkan kepada 3 perkara berikut (Muhammad, M. & Muhammad, M. R., 2020):-

1. Hukum asal kebolehizinan (*al-ibāhah al-asliyyah*).
2. Diiktiraf sebagai aset bernilai (*māl mutaqawwam*) dari perspektif syariah kerana boleh digunakan sebagai bayaran untuk membeli barang, perkhidmatan dan pertukaran mata wang.
3. Bitcoin digunakan sebagai medium pertukaran seperti jenis-jenis mata wang lain walaupun tidak dikeluarkan oleh pihak berkuasa pusat.

Dalam perbincangan ini, sesuatu aset digital boleh dikategorikan sebagai harta semata-mata ataupun mata wang, perkara ini boleh dilihat seperti mana dalam jadual berikut:

Jadual 5: **Kategori Aset Digital**

ASET DIGITAL SEBAGAI HARTA (KOMODITI)	ASET DIGITAL SEBAGAI MATA WANG
Digital Token	E-Money
Cripto Currency	E-Wallet
*Discount Cards	Payment Cards
*Gift Cards / Digital Voucher	
Digital Documents	
Intellectual Property	
Digital Media	

Sumber: Hasil ringkasan pengkaji

Pembahagian ini dilihat berdasarkan sandaran sesuatu aset itu kepada mata wang yang diiktiraf oleh undang-undang ataupun aset tersebut merupakan platform digital dalam sebarang transaksi pada hari ini. Sebagai contoh *payments cards* dikategorikan sebagai aset digital dalam kategori mata wang kerana ia berfungsi sebagai pengganti kepada mata wang fizikal yang hakikatnya wujud.

Manakala kad ganjaran dan diskauan (*discount / gift card*) tidak boleh dianggap sebagai komoditi secara mutlak. Kerana terma dan syarat penggunaan kad tersebut lazimnya terhad kepada apa yang ditawarkan oleh pengeluar. Ia adalah seumpama rekod kepada hadiah yang bakal diperolehi, bukan satu nilai atau komoditi yang boleh dijual beli dalam pasaran yang lain. Begitu juga digital currency yang berkemungkinan akan dianggap sebagai mata wang jika kerajaan mengiktirafnya sebagai mata wang ataupun telah diiktiraf oleh majoriti masyarakat. Jika belum ke tahap itu, mata wang digital masih dianggap sebagai suatu bentuk komoditi.

Teori Zakat

Zakat merupakan perkataan arab iaitu kata terbitan (masdar) daripada asal kata zakā – yazkū – zakātan yang bermakna berkembang, hasil dan lebihan. Seperti mana pernyataan Saidina ‘Alī RA:

*“Harta itu akan berkurang jika dibelanjakan manakala ilmu pula akan berkembang dengan disampaikan.”
(Ibn Manzūr, M. M. A., 1993)*

Selain itu, zakat juga bererti penyucian, seperti mana yang digunakan di dalam firman Allah SWT:

*“Oleh itu, kami ingin dan berharap, supaya Tuhan mereka gantikan bagi mereka anak yang lebih baik daripadanya tentang kebersihan jiwa, dan lebih mesra kasih sayangnya.”
(Surah al-Kahfi: 81)*

Oleh yang demikian, zakat harta boleh dikatakan sebagai penyucian harta kerana membersihkannya dengan hak yang perlu dikeluarkan. Manakala zakat dari sudut seperti yang disebutkan oleh Ibn Qāsim al-Ghazzī iaitu:

*“Ia adalah satu nama bagi harta tertentu yang diambil daripada harta tersebut dengan cara yang tertentu kemudian diberikan kepada golongan tertentu.”
(Al-Bājūriy, I. M. A., 2016)*

Hukum mengeluarkan zakat merupakan fardu ke atas setiap yang memiliki syarat-syarat. Ia menjadi rukun Islam yang ketiga yang perlu ditunaikan sebagai seorang muslim. Pensyariatan ini adalah berdasarkan kepada sumber-sumber hukum Islam sama ada dari al-Quran, al-Sunnah dan Ijma'. Di dalam al-Quran, kewajipan mengenainya seiiring dengan kewajipan yang Allah perintahkan untuk menunaikan solat antaranya:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.
(Surah al-Nur: 56)

Begitu juga kewajipan Allah SWT berdasarkan ancaman yang diberikan terhadap orang yang tidak mengeluarkan zakat:

*“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.”
(Surah al-Tawbah: 34- 35)*

Selain itu terdapat banyak hadith daripada Nabi SAW yang menunjukkan kepada kewajipan untuk mengeluarkan zakat antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar bahawa Nabi SAW telah bersabda:

*“Islam itu dibina di atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa di bulan Ramadan”.
(Al-Bukhārī, M. I., 2001)*

Terdapat juga sabda baginda SAW mengenainya kepada Mu'az ketika mana baginda mengutuskan beliau ke Yaman dengan bersabda:

“Serulah mereka kepada syahadah bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku adalah utusan Allah. Jika mereka telah mentaatinya, maka beritahulah mereka bahawa Allah mewajibkan ke atas mereka solat lima waktu sehari semalam. Kemudian jika mereka telah mentaatinya, maka beritahulah bahawa Allah mewajibkan ke atas mereka zakat dari harta-harta mereka yang diambil daripada orang-orang yang kaya di kalangan mereka serta diberikan kepada orang-orang fakir di kalangan mereka.”
(Al-Bukhārī, M. I., 2001)

Juga terdapat pelbagai dalil-dalil yang lain menunjukkan kepada wajibnya bagi seseorang yang mencukupi syarat dan kelayakan untuk mengeluarkan zakat. Sehingga terdapat ijma' bahawa wajib bagi seseorang untuk mengeluarkan zakat.

Manakala, kewajipan zakat ke atas individu akan bermula ketika mana memenuhi syarat-syarat yang digariskan. Sepakat *fuqahā'* menyatakan bahawa kewajipan itu akan berlaku dengan syarat individu tersebut (Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2006):

1. Baligh.
2. Berakal.
3. Muslim.
4. Bebas iaitu bukan seorang hamba.
5. Mempunyai pengetahuan terhadap hukum fardhu zakat.
6. Mencapai haul dan nisab.
7. Mempunyai kemampuan untuk menunaikan zakat.
8. Memenuhi syarat-syarat yang ada di dalam harta.

Bagi menjelaskan syarat terakhir tersebut, secara umumnya fuqaha menyatakan bahawa harta yang wajib untuk dikeluarkan zakat adalah seperti berikut:

1. Harta mestalah dimiliki oleh individu tertentu (كونه مثوّلاً لمعنى). Berdasarkan syarat yang dinyatakan ini, dapat difahami bahawa tidak ada zakat bagi harta yang tidak dimiliki oleh individu tertentu.
2. Harta mestalah dimiliki secara mutlak (أن يكون ملكية المال مطلقة). Permohonan secara mutlak yang dinyatakan ini adalah ibarat yang digunakan oleh ulama al-Hanafiyyah. Berbeza dengan mazhab yang lain ibarat yang dimaksudkan tersebut adalah merujuk kepada milk al-tām iaitu pemilikan sempurna yang menjadi kepunyaan seseorang pemilik serta dia boleh untuk mengambil manfaat dan melakukan jual beli ke atas harta tersebut.
3. Harta yang berkembang (النماء). Syarat yang dinyatakan ini adalah jelas disebutkan oleh ulama al-Hanafiyyah dengan penafian bahawa ia terpakai pada emas dan perak kerana secara tabiatnya kedua perkara itu mempunyai kemampuan untuk berkembang (Mahmūd, M. M, t.t).
4. Hasil lebihan daripada keperluan asal (الزيادة على الحاجات الأصلية). Begitu juga syarat yang dinyatakan ini oleh mazhab al-Hanafiyyah bahawa harta yang digunakan untuk keperluan asasi harian tidak akan dikenakan zakat seperti pakaian.
5. Mencukupi *Hawl* (الحول). *Hawl* merupakan tempoh sempurnanya pemilikan sesuatu harta pada pemiliknya dengan kadar tempoh setahun penuh qamariyyah. Sekiranya tidak memenuhi tempoh tersebut, maka tidak diwajibkan bagi harta tersebut untuk dikeluarkan zakat ke atasnya. Fuqaha berdalilkan kepada sabda baginda SAW iaitu:

“Tidak ada zakat harta sehingga mencapai hawl”.
(Al-Qazwīnī, M. Y., t.t)

Hikmah bagi syarat penetapan ini merupakan satu kayu ukur bagi sesuatu harta itu dapat dikategorikan sebagai al-namā' iaitu berkembang ataupun tidak melalui tempoh *hawl* ini (Qudāmah, A. A. A. M., 1968).

6. Memenuhi *nisāb* (أن يبلغ المال نصابة). *Nisāb* merupakan kadar minimum bagi sesuatu harta yang wajib untuk dikeluarkan zakat. Sekiranya harta itu tidak mencapai had minimum tersebut,

maka tidak diwajibkan zakat ke atasnya. Manakala penentuan bagi kadar *nisāb* ini berbeza-beza mengikut jenis harta yang wajib untuk dikeluarkan zakat.

7. Harta yang bebas daripada hutang (الفراغ من الدين). Syarat yang dinyatakan ini merupakan pandangan yang diterima oleh jumhur fuqaha bahawasanya hutang menjadi penghalang kepada wajibnya bagi seseorang itu untuk mengeluarkan zakat. Namun, berbeza dengan qawl jadīd Imam al-Shāfi‘ī bahawa hutang bukanlah menjadi penghalang kepada zakat kerana seorang muslim ketika dia memiliki harta yang cukup *nisāb* dan *hawl* maka ia diwajibkan ke atas harta tersebut untuk dikeluarkan zakat (Al-Qalyūbī, A. S. & ‘Umayrah, A., 1995).

Di dalam perbincangan kitab-kitab al-Shāfi‘yyah pula, syarat-syarat ini dijelaskan secara terperinci dan diterangkan berdasarkan jenis harta yang telah dibahagikan. Namun, secara umumnya syarat yang meliputi kesemua jenis zakat tersebut dapat disimpulkan seperti berikut:

Jadual 6:

Syarat Zakat Harta Menurut al-Shāfi‘yyah

KITAB	SYARAT
Al-Ansārī, Z. M. (1997)	1. Islam 2. Hurriyyah 3. Taayun malik 4. Hawl 5. Nisab 6. Tamakkun
Muhammad Nawawī bin ‘Umar al-Jāwī al-Bantanī (2011)	1. Islam 2. Hurriyyah 3. Milk Tam 4. Al-Mua’yan 5. Al-Mutayaqqan wujuduhu
Ahmad bin ‘Umar al-Shāti‘ī (2007) , Muhammad bin Ahmad bin ‘Umar al-Shāti‘ī (2007) , Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-Kāf (2003)	1. Islam 2. Hurriyyah 3. Milk Tam 4. Al-Mua’yan 5. Al-Mutayaqqan wujuduhu
‘Abd al-Rahmān bin Muhammad bin Husayn bin ‘Umar (2018)	1. Islam 2. Hurriyyah

KITAB	SYARAT
Muhammad Mahfūz bin ‘Abd Allāh al-Tarmasī (2011)	1. Islam 2. Hurriyyah 3. Bukan janin (Tayaqqun Wujud) 4. Quwwah al-Milk 5. Ta‘yin al-Milk 6. Tambahan (syarat-syarat mengikut jenis harta)
Mustafā al-Bughā, Mustafā al-Khin & ‘Alī al-Sharbajī (1992)	Asas harta yang wajib dizakatkan adalah segala harta yang mempunyai unsur <i>al-namā</i> iaitu berkembang.
Muhammad al-Zuhaylī (2011)	1. Islam 2. Nisab 3. Hawl 4. Asas: al-Nama

Sumber: Hasil ringkasan pengkaji

Jika sesuatu harta itu memenuhi syarat ini maka zakat boleh dikenakan. Atas asas inilah perbincangan aset digital sebagai mal dan syarat-syarat zakat dikemukakan sebagai premis utama perbincangan zakat aset digital. Apabila sesuatu aset digital itu dapat dikenalpasti kedudukannya sebagai harta atau mata wang, kemudian syarat-syarat zakat dipenuhi maka aset tersebut boleh dikenakan zakat.

BAHAGIAN 6

Penentuan Zakat Aset Digital

Daripada perbincangan sebelum ini adalah jelas bahawa aset digital ini boleh dikategorikan sebagai mata wang ataupun komoditi. Bermakna, jika sesuatu harta itu dianggap sebagai mata wang, zakat boleh dikenakan berasaskan zakat simpanan atau zakat pendapatan. Manakala sekiranya sesuatu harta itu dianggap sebagai komoditi, harta itu adalah bernilai, dan sekiranya diperniagakan, bermakna

zakat perniagaan boleh dikenakan kepada sesuatu aset digital. Untuk memudahkan perbincangan lanjut, adalah wajar disentuh mengenai teori zakat perniagaan, zakat simpanan dan zakat pendapatan secara umum. Berikut adalah teori zakat tersebut sebagaimana yang dijelaskan oleh Pusat Pungutan Zakat-MAIWP:

Jadual 7:
Teori zakat menurut Pusat Pungutan Zakat-MAIWP

BIL	JENIS ZAKAT	PENJELASAN
1.	Zakat Perniagaan	<p>Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barang atau perkhidmatan. Zakat perniagaan merupakan suatu tanggungjawab yang wajib ditunaikan ke atas mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.</p> <p>Syarat Wajib Zakat Perniagaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Muslim. Perniagaan yang mempunyai pemilikan bercampur antara Muslim dengan bukan Muslim, hanya bahagian pemilikan dan kepentingan orang Islam sahaja yang dikenakan zakat. 2. Sempurna Milik. Harta yang dikenakan zakat mestilah ada kesempurnaan dari segi pemilikan (hak milik aset) dan keupayaan mengurus (tasarruf) iaitu mempunyai kuasa penuh ke atas harta. 3. Cukup Nisab. Paras minima yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta dikeluarkan zakat. Nisab adalah bersamaan dengan nilai 85 gram emas semasa. 4. Cukup Haul. Genap setahun perniagaan. Penilaian harta perniagaan adalah dengan mengambil kira keadaan perniagaan pada akhir haul. 5. Niat Berniaga. Berniat untuk mendapatkan perolehan dan keuntungan. Ia juga perlu dibuktikan dengan amalan. Niat adalah untuk mendapat keuntungan, manakala amalan ialah menjalankan perniagaan. Kedua-dua unsur ini hendaklah wujud bersama secara berterusan. 6. Barang Perniagaan dan Perkhidmatan yang Halal. Perniagaan yang halal sahaja yang diwajibkan zakat. Semua bentuk perniagaan yang haram, sama ada dari segi zatnya seperti arak dan khinzir ataupun perniagaan perjudian dan riba adalah tidak diwajibkan zakat.
2.	Zakat Simpanan	<p>Wang merupakan harta cair yang boleh digunakan dalam hal pertukaran, ukuran nilai dan tabungan. Wang sama ada berbentuk kertas, syiling atau sebagainya setaraf dengan emas dan perak sebagai satu bentuk kekayaan yang memberi kuasa membeli. Wang yang disimpan di dalam akaun simpanan, akaun simpanan tetap, simpanan semasa, serta lain-lain bentuk simpanan di bank atau mana-mana institusi kewangan diwajibkan zakat sekiranya memenuhi syarat-syaratnya.</p> <p>Nisab zakat wang simpanan sama bersamaan nilai 85 gram emas. Zakat dikenakan sebanyak 2.5% ke atas jumlah baki terakhir dalam tempoh setahun simpanan apabila cukup nisab dan haulnya serta menyamai atau melebihi nisab.</p>

BIL	JENIS ZAKAT	PENJELASAN
3.	Zakat Pendapatan	<p>Zakat pendapatan timbul daripada konsep zakat al-mal al-mustafad (zakat harta perolehan). Konsep al-mal al-mustafad bermaksud mewajibkan zakat ke atas mana-mana harta perolehan dari hasil usaha tanpa sebarang proses pertukaran (jual-beli), secara ringkasnya ia diperoleh dengan sebabnya tersendiri seperti gaji, upah kerja, elaun, hadiah dan lain-lain.</p> <p>Para fuqaha telah mewajibkan zakat ke atas hasil pendapatan dan gaji. Ini kerana pendapatan merupakan sebuah harta yang berkembang dan boleh membawa perolehan yang lumayan terutamanya bagi seseorang yang menyandang jawatan-jawatan profesional atau peringkat tinggi dalam sebuah organisasi. Ia juga antara aktiviti perekonomian utama pada zaman ini, apatah lagi profesi makan gaji sudah menjadi lumrah dalam kehidupan sekarang.</p> <p>Nisab zakat pendapatan bersandarkan 85 gram emas. Kadar bayaran zakat pendapatan ialah 2.5% daripada jumlah pendapatan kasar atau pendapatan bersih.</p> <p>Pakar-pakar di kalangan ulama kontemporari tidak meletakkan haul sebagai syarat wajib zakat pendapatan.</p>
4.	Zakat <i>al-Mustaghallat</i>	<p><i>Al-Mustaghallat</i> ialah harta-harta yang tidak dikenakan zakat, ia juga tidak diperdagangkan akan tetapi ia digunakan untuk menyuburkan harta atau memperolehi pendapatan dengan cara tertentu. Ia menjadi sumber pendapatan bagi tuannya dalam bentuk faedah atau usaha dengan cara menyewakan atau menjual hasilnya. Jadi zakat dikenakan ke atas hasil tersebut.</p> <p>Harta <i>al-mustaghallat</i> merupakan harta yang tidak memenuhi syarat-syarat harta perniagaan mahupun harta-harta zakat yang lain. Sebagai contoh ialah hasil daripada binatang yang diternak di dalam kandang (<i>al-ma'lufah</i>) seperti susu, ia tidak memenuhi syarat zakat binatang ternakan iaitu <i>al-saimah</i> (diternak secara bebas) dan tidak dibeli atas tujuan perniagaan dan tiada unsur transaksi pertukaran tangan pada binatang tersebut. Begitu juga barang yang dihasilkan daripada kilang kemudian dijual untuk mendapatkan untung. Selanjutnya adalah seperti bangunan yang disewakan dan untung yang diperolehi daripada itu adalah dianggap sebagai harta <i>al-mustaghallat</i>. Perbincangan zakat <i>al-mustaghallat</i> ini sebenarnya adalah pecahan dari konsep <i>mal al-mustadad</i>.</p>

Sumber: Hasil ringkasan pengkaji

Kewajipan zakat ke atas harta yang subur dan berharga itu adalah jelas dalam perbincangan fiqh. Subur atau *al-nama'* itu boleh dianggap sebagai illah kewajipan zakat (Hamat, Z, 2004). , manakala berharga atau bernilai (*al-thamaniyyah*) itu adalah tempat wujudnya sifat *al-nama'* tersebut (Ibn Qudamah, 1997). Ibn Humam (t.t) menyatakan *al-nama'* adalah sebahagian daripada sebab wajib zakat. al-Baji (t.t) juga menekankan aspek *al-nama'* dalam zakat dengan keterangannya tentang penamaan zakat bahawa tidak wajib (zakat) pada harta yang tidak ada potensi untuk berkembang.

Namun kebanyakan ulama jelas menyatakan bahawa *al-namā'* itu bukanlah illah atau sebab bagi kewajipan zakat harta, akan tetapi ia hanyalah syarat bagi kewajipannya sahaja (Al-Sharīf, M. A. G., 2000). Contohnya apa yang disebutkan al-Dakhir (1993) di dalam perbahasan hukum zakat *al-mustaghallat*, di mana zakat tersebut adalah berkait dengan harta yang berkembang namun terma berkembang tersebut merupakan syarat bagi kewajipannya.

Walau bagaimanapun, al-Qaradawi (2001) menekankan bahawa setiap harta yang berkembang perlu dikenakan zakat. Perkara ini jelas difahami daripada keumuman ayat al-Quran dan hadis apabila menyentuh persoalan zakat, seperti;

1. Orang yang kaya perlu menyucikan dirinya dengan mengeluarkan zakat.
2. Setiap harta perlu dibersihkan dengan mengeluarkan zakat.
3. Zakat disyariatkan untuk memenuhi keperluan dan membantu orang yang memerlukan, demi kemaslahatan umum serta demi dakwah Islam yang perlu direalisasikan melalui harta dan kekayaan umat Islam.

Muhammad al-Ghazali (2005) menyatakan bahawa 'illah kewajipan zakat adalah berkembang. Wang diwajibkan zakat kerana sifatnya yang berkembang, tanaman dan buah-buahan juga diwajibkan zakat kerana ia menyuburkan tanah dan pokok-pokok, begitu juga binatang ternak yang berkembang dengan berlalunya zaman. Secara umumnya, *al-nama'* tidaklah boleh menjadi illah kerana sifatnya yang tidak konsisten dan jelas. Namun, elemen ini diganti dengan sifat yang lebih jelas seperti binatang yang membiak, hasil tanaman yang boleh dituai dan barang yang mempunyai nilai seperti emas dan perak. Perkara ini perlu diberi perhatian khusus dalam membincangkan zakat aset digital.

Dalam membincangkan zakat aset digital juga, perlu diamati apakah sebenar objektif atau maqasid bagi pensyariatan zakat. Al-Raysuni (2014) secara umumnya menjelaskan bahawa hukum-hukum ibadat adalah bersifat tawqifiyyah, tiada ruang bagi akal untuk mencapainya kerana pada sesuatu ibadat itu sendiri mempunyai maslahah sama ada dari aspek keagamaan dan juga keduniaan. Maka akan didapatkan bahawa ke semua ibadah itu mu'allalah (mempunyai illah) pada asal yang ditetapkan oleh syarak yang dinaskan bukan daripada proses istinbat dan bersifat zan.

Tujuan daripada zakat adalah seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran firman Allah SWT:

*“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”
(Surah al-Tawbah: 103)*

Keadaan ibadah yang mu'allalah adalah jika dilihat pada maslahah-maslahah hamba, namun jika mengenai perincian ibadah tersebut seperti syarat, rukun, sebab, waktu dan keadaan ibadah tersebut kesemuanya adalah bersifat ta'abbudi.

Al-Raysuni (2010) menyebutkan juga bahawa, orang yang menuaikan zakat memperoleh manfaat yang lebih banyak daripada orang yang menerima zakat. Ini adalah kerana maqasid zakat itu sendiri akan memberi penyucian dan memberi keberkatan kepada hartanya, dia juga berhak mendapatkan doa daripada Rasul beserta orang-orang mukmin, juga akan mendapatkan kebahagiaan dan kerahmatan seperti mana yang disebutkan di dalam firman Allah.

Selain itu terdapat kertas kerja yang telah dibentangkan di muktamar antarabangsa yang diadakan di Malaysia (2011) mengenai maqasid pensyariatan zakat yang menyentuh maqasid zakat dan kesannya terhadap penyucian jiwa serta penjelasan mengenai kesan berkembangnya harta tersebut. Begitu juga artikel jurnal daripada Universiti Islam Madinah yang membahaskan maqasid-maqasid zakat serta pendalilan terhadapnya sama ada menggunakan dalil naqliyyah mahupun dalil aqliyyah (Muqbil, S., (2020).

Sebelum perbincangan dilanjutkan perlu ditekankan semula bahawa aset digital dalam kajian ini telah dikategorikan kepada dua iaitu komoditi dan mata wang. Jadi penentuan zakat adalah berbeza dari sudut kategori aset digital tersebut. Jika dalam kategori mata wang, aset tersebut boleh dikenakan sebagai zakat simpanan. Hal ini selari difahami daripada kesimpulan Majma' Fiqh al-Islami al-Duwali;

“merujuk kepada hukum wang fiat, ia adalah mata wang i'tibari yang mempunyai sifat bernilai (thamaniyyah) yang sempurna, dan baginya hukum-hukum syarak yang terpakai pada emas dan perak seperti hukum riba, zakat, al-salam dan selainnya.”

Oleh itu, jika dia mempunyai sifat yang sama al-thamaniyyah, bermakna hukum emas dan perak akan terpakai. Jadi zakat simpanan adalah terpakai bagi kategori tersebut. Manakala bagi aset digital dalam kategori komoditi, boleh dikenakan dua jenis zakat, iaitu;

1. Zakat Perniagaan – Jika aset tersebut dijual semula untuk tujuan keuntungan. Yang mana memenuhi syarat-syarat zakat perniagaan.
2. Zakat Pendapatan (Berasaskan teori zakat mal al-mustafad) – Jika aset tersebut tidak diniatkan untuk perniagaan, tetapi dapat menghasilkan pendapatan sama ada dilaburkan atau dijual ketika harga sedang naik. Atau apa-apa cara yang boleh menghasilkan keuntungan. Yang mana memenuhi syarat-syarat zakat bagi mal al-mustafad.

Berikut adalah pandangan pakar yang telah ditemubual mengenai kedudukan zakat bagi aset digital;

Jadual 8: Kedudukan zakat bagi aset digital menurut pakar

INFORMAN	KEDUDUKAN ZAKAT ASET DIGITAL
Pakar 01	Tidak perlu zakat kerana belum diterima sebagai mata wang. Tetapi ia boleh dikenakan zakat sebagai komoditi disebabkan dianggap sebagai harta dan bernilai.

INFORMAN	KEDUDUKAN ZAKAT ASET DIGITAL
Pakar 02	Kedudukan zakat adalah bergantung kepada pengiktirafan aset digital. Jika menolak aset digital sebagai mata wang, maka zakat tidak dikenakan. Jika mengambil pendekatan tawaqquf, maka memerlukan kajian yang lebih terperinci. Manakala hujah yang menerima dan boleh dikenakan zakat adalah mungkin berdasarkan ia adalah harta perniagaan.
Pakar 03	Kewajipan zakat ke atas aset digital adalah apabila ianya sudah diiktiraf sebagai bentuk aset. Aset digital yang "wajib" dikenakan zakat mestilah bersifat harta dan berpotensi untuk berkembang. Walaupun tidak memiliki 'ayn kerana ia hanya memiliki data sahaja.
Pakar 04	Wajar untuk dipertimbangkan untuk dikenakan zakat jika memenuhi definisi al-mal kerana ada ciri kekayaan pada aset tersebut.

Sumber: Hasil ringkasan pengkaji

Daripada maklumat pakar ini kebanyakan mereka cenderung untuk mengenakan zakat terhadap aset digital. Antara alasan yang dikemukakan adalah kerana aset digital menepati sifat harta dan bermilai. Manakala secara terperinci, asas zakat aset digital menurut pandangan pakar yang ditemubual adalah;

1. Penentuan aset digital sebagai wang atau komoditi.
2. Melihat kedudukan aset digital dari sudut al-thamaniyyah atau al-muthman.
3. Mempertimbangkan aset digital sebagai barang perniagaan.
4. Membezakan sesuatu aset digital untuk perniagaan, pelaburan atau simpanan

Selain itu, berkaitan hukum zakat aset digital ini terdapat beberapa pandangan mengenainya seperti jadual berikut;

Jadual 9: **Hukum zakat digital asset**

HUKUM ZAKAT DIGITAL ASET		
BIL	NAMA SARJANA / INSTITUSI	KEPUTUSAN
1.	National Zakat Foundation (NZF) (t.t)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wang kripto dan token yang dibeli untuk dijual semula perlu dikeluarkan zakat. Nisab zakat akan ditentukan mengikut harga semasa pada penghujung haul. 2. Manakala token yang dibeli bukan untuk dijual semula, maka keperluan zakat adalah bergantung pada sifat token dan aset dasar yang ia wakili.
